

20 Oktober 2021

Makluman Umum: Audit Pensijilan Semula RSPO ke atas Kilang Sawit Rajawali, Sime Darby Plantation Berhad (Keahlian RSPO: 1-0008-04-000-00)

Kepada Pihak Berkepentingan,

Ini adalah untuk memaklumkan bahawa Unit Pengurusan di atas di bawah Sime Darby Plantation Berhad dengan nombor keahlian RSPO 1-0008-04-000-00 telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk menjalankan audit pensijilan semula di Kilang Sawit Rajawali dan ladangnya, yang terletak di Bintulu, Sarawak, Malaysia. Pengauditan ini akan dilakukan bermula dari 29 November 2021 hingga 4 Disember 2021. Keperluan piawaian yang akan digunakan semasa proses pensijilan adalah:

Malaysia National Interpretation (MYNI) 2019 of the RSPO Principles & Criteria 2018 for Sustainable Palm Oil Production (Intepretasi Kebangsaan Malaysia (MYNI) 2019 daripada RSPO Prinsip & Kriteria 2018 untuk pengeluaran minyak sawit mampan)

Nombor ID RSPO Kilang ialah: RSPO_PO1000000305

Rujuk lampiran 1 untuk maklumat data pengeluaran yang akan dinilai di kilang dan ladang.

Sime Darby Plantation Berhad telah memohon kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk mendapatkan pensijilan RSPO bagi 10 daripada 57 unit pensijilan.

Sime Darby Plantation Berhad memiliki 190 ladang kelapa sawit dan 57 buah kilang di Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak di Malaysia dan di Kalimantan, Sumatera & Sulawesi di Indonesia. Pada masa ini, Sime Darby Plantation Berhad menyelia ladang adalah 299,984 hektar di Malaysia dan 201,012 hektar di Indonesia. Sime Darby Plantation Sdn. Bhd. juga membeli buah tandan segar dari pekebun kecil sekitarnya.

Selain daripada ladang dan operasi kilang, Sime Darby Plantation Berhad juga terlibat dalam aktiviti-aktiviti hiliran termasuk penapisan minyak, pengeluaran produk minyak dan lemak, oleokimia dan biodiesel di empat belas buah negara.

Status proses Prosedur Penanaman Baru (NPP) dan proses RaCP (Prosedur Pemulihan dan Pampasan):

Nama Ladang	NPP Status	RaCP Status
Ladang Rajawali	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
Ladang Samudera	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
Ladang Semarak	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan
Ladang Bayu	Tidak berkenaan	Tidak berkenaan

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. merupakan badan pensijilan, pengujian dan pemeriksaan utama di Malaysia. SIRIM QAS International Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatannya mengikut kehendak standard yang diterimapakai di peringkat antarabangsa. SIRIM QAS International Sdn. Bhd. mempunyai pengalaman luas di dalam pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor perladangan dari pengilangan kelapa sawit hingga industri hilirannya.



QMS CB 0001 FMC CB 0002
EMS CB 0002 ISMS CB 0001
PC CB 0001 E-MS CB 0001
OSH CB 0001 MDCMS CB 0004
HACCP CB 0003 MSPO CB 0005
FSMS CB 0001 ABMS CB 0001
GMP CB 0004



MS ISO/IEC 17025
CALIBRATION / TESTING
SAMM NO.085 SAMM NO.086
SAMM NO.087 SAMM NO.219
SAMM NO.231 SAMM NO.240
SAMM NO.259 SAMM NO.377
SAMM NO.474 SAMM NO.734
SAMM NO.734



MS ISO/IEC 17020
MBAS NO. 003



074



Halaman 1 dari 4

Pasukan audit adalah seperti berikut:

Pasukan Juruaudit	Peranan / Elemen yang di perlukan	Kelayakan dan Pengalaman
Dzulfiqar Azmi	Ketua Juruaudit / Isu Sosial, Isu Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan templat metrik	- Memiliki Ijazah Perladangan dan Teknologi Pengurusan (Kepujian) - Universiti Teknologi MARA - Pengalaman selama lebih 6 tahun bekerja berkaitan dengan ladang kelapa sawit - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk skim ISO 9001, ISO 14001 & ISO 45001 - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit RSPO oleh David Ogg
Rozaimiee Ab Rahman	Juruaudit / Isu Alam Sekitar, GHG and Supply Chain (SC)	- Memiliki Diploma Perikanan - Universiti Putra Malaysia - Memiliki Ijazah (Kepujian) Sains Pertanian - Universiti Putra Malaysia - Berkhidmat sebagai pembantu pengurus ladang IOI Plantation Sdn Bhd (2012-2015), Yayasan Pahang Plantation (2015-2016). - Pengalaman selama lebih 5 tahun bekerja berkaitan dengan kelapa sawit - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit RSPO - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk skim EMS dan OHSAS
Rohazimi Mat Nawi	Juruaudit / Isu Alam Sekitar, Isu Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dan Timebound Plan	- B.Sc. (Kepujian) dalam Kejuruteraan (Kimia - Gas) - Universiti Teknologi Malaysia - Lebih dari 4 tahun pengalaman bekerja berkaitan dengan kelapa sawit - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk skim QMS, EMS dan OHSAS - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit RSPO oleh David Ogg - Berjaya menamatkan Kursus RSPO Supply Chain (SC) oleh David Ogg
Rahayu Zulkifli	Juruaudit / Isu Sosial dan HCV	- Memiliki Ijazah dalam LLB (Hon) - Liverpool Polytechnic, United Kingdom - Mempraktikan kerjaya sebagai seorang peguam sebelum menyertai WWF-Malaysia. 'Dispute Settlement Facility Manager' di RSPO (2014-2015) - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO (Wild Asia)
Mohd Norddin Abd Jalil	Juruaudit / Isu Amalan Perladangan Baik (GAP)	- B.Sc., (Pertanian) - Universiti Pertanian Malaysia (UPM) - Lebih dari 20 tahun pengalaman berkaitan ladang kelapa sawit dan getah (Boustead Estates Agency Sdn Bhd dan TDM Plantation Sdn Bhd) - Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit RSPO oleh David Ogg

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. menjemput pihak berkepentingan untuk memberikan ulasan (jika ada) mengenai perkara-perkara berikut yang berkaitan dengan unit pengurusan berikut untuk audit. Komen hanya diterima dalam masa 30 hari dari tarikh surat ini dan akan dipertimbangkan dalam audit.

Komen yang perlu dirahsiakan, sila masukkan perkataan "SULIT" dalam subjek balasan anda.

Sila sertakan butir-butir di bawah ini sekiranya kami perlu menghubungi anda untuk penjelasan lebih lanjut mengenai masalah yang diutarakan.

Nama	:
Jawatan	:
E-mel yang sah	:
Nombor Telefon yang sah	:

Maklumbalas tuan/puan hendaklah di hantar kepada:

Kamini A/P Sooriamoorthy

Ketua Seksyen
Makanan, Pertanian dan Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
Tingkat 1, Bangunan 4, Kompleks SIRIM
No. 1, Persiaran Dato' Menteri
40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel. : +603 5544 6448
Faks : +603 5544 6763
E-mel : kamini@sirim.my

Madam Shylaja Devi Vasudevan

Ketua Unit, Sustainability
Sime Darby Plantation Berhad
Jabatan GSQM
Level 5, Main Block
Jalan PJU 1A/7
47301, Ara Damansara
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel. : +603 – 7848 4379
Faks : -
E-mel : shylaja.vasudevan@sime-darbyplantation.com

Pihak SIRIM QAS International mengucapkan terima kasih keatas segala maklumbalas yang telah di berikan.

Yang Benar,



(KAMINI A/P SOORIAMOORTHY)

Ketua Seksyen,
Makanan, Pertanian & Perhutanan
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Maklumat mengenai Unit Pensijilan Sime Darby Plantation Berhad – Kilang Sawit Rajawali dan ladangnya

KILANG SAWIT YANG TERMASUK DALAM AUDIT PENSIJILAN SEMULA						
Nama Kilang	Kapasiti Kilang (MT/Jam)	Lokasi	Koordinat GPS		Hasil Pengeluaran Tahunan (MT)	
			Latitud	Longitud	CPO	PK
Kilang Sawit Rajawali	60	Kilang Sawit Rajawali 97011 Bintulu, Sarawak	3° 22' 14.4" N	113° 24' 1.1" E	21,615.64	5,025.03

LADANG - LADANG YANG TERMASUK DALAM AUDIT PENSIJILAN SEMULA						
Nama Ladang	Lokasi	Koordinat GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Purata Pengeluaran Tahunan (MT)
		Latitud	Longitud	Jumlah	Jumlah Ditanam	
Ladang Rajawali	97008 Bintulu, Sarawak	3.42595° N	113.37900° E	6,120.3039	3,275.04	42,257.61
Ladang Samudera	97012 Bintulu, Sarawak	3° 28' 55.0" N	113° 23' 51.0" E	2,459.9000	2,233.11	40,176.40
Ladang Semarak	97011 Bintulu, Sarawak	3.22536° N	113.35600° E	3,315.6470	2,281.19	35,224.87
Ladang Bayu	97012 Bintulu, Sarawak	3° 28' 56.0" N	113° 23' 51.0" E	2,254.7200	2,137.26	36,278.91
JUMLAH				14,150.5709	9,926.6	153,937.79